



- | |
|--|
| <p>1. PEMBANTU MERINYU PEMASANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1</p> |
|--|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.

ATAU


- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMBANTU MERINYU PEMASANGAN:

1. Membuat pemeriksaan dan penyelidikan ke atas permohonan orang ramai mengenai tapak pembinaan rumah baru atau lama, menambah pendawaian, membuat laporan melalui gambar rajah kedudukan tapak berkenaan sebelum bekalan api elektrik dibekalkan samaada memerlukan tambahan *overhead line* atau sebagainya.
2. Membuat pemeriksaan pendawaian tenaga elektrik di *feeder pillar sub station* selepas membuat pemeriksaan ke tapak binaan.
3. Membuat pengujian pendawaian bagi rumah-rumah dan bangunan pelanggan Kerajaan.



4. Membuat '*termination*' cable di *feeder pillar and overhead line*.
5. Membuat '*switching / commissioning*' 11kv/415v transformer jika perlu.
6. Membaik pulih aduan kerosakan bekalan api elektrik di rumah awam dan bangunan Kerajaan sama ada di bahagian luar dan dalam.
7. Menerima arahan daripada Pegawai-Pegawai Kanan dari semasa ke semasa.